

## **BAB IV**

### **Kewangan dan Matawang**

**IV. 1. Pembiayaan dan modal**

**IV. 2. Insuran**

**IV. 3. Matawang.**

#### IV.1. Pembiayaan dan modal

Modal merupakan perkara penting dalam satu-satu perdagangan. Tanpa modal tidak ada apa yang boleh dilakukan. Modal diperlukan untuk memperolehi barang, membiayai pengangkutan dan upah. Oleh itu setiap perdagangan baik kecil maupun besar memerlukan modal atau pembiayaan. Akan tetapi bagaimakah para pedagang Melayu abad ke-18M itu memperolehi modal mereka bagi menjalankan operasi perdagangan sedangkan di kawasan ini tidak pernah diketahui wujudnya bank atau agensi insuran bagi tujuan memperolehi modal untuk perdagangan. Tidak banyak catatan yang dapat dikemukakan untuk dijadikan bukti bagi menjelaskan pekara ini. Namun demikian daripada beberapa catatan Belanda dan surat-surat perdagangan pada masa itu dapat juga dibuat rumusan tentang cara pedagang-pedagang Melayu itu memperolehi modal bagi membiayai perdagangan mereka.

Mengikut K.N.Chaudhuri, ada tiga cara bagaimana para pedagang memperolehi modal mereka. Yang pertama adalah melalui kekayaan keluarga dan juga bantuan daripada komuniti pedagang di mana keluarga itu tergolong. Yang kedua adalah melalui pelaburan dan modal golongan elit pemerintah. Dan yang ketiga melalui percaturan nasib.<sup>1</sup> Walaupun Chaudhuri mengemukakan pendapatnya berlandaskan kepada contoh-contoh perdagangan di Asia Tengah dan Asia Selatan, akan tetapi contoh-contoh itu dapat disesuaikan dengan keadaan perdagangan di Asia Tenggara.

---

<sup>1</sup> K.N.Chaudhuri, *Trade and Civilisation in the Indian Ocean*, Cambridge:Cambridge University Press, 1985, h. 211-212.

Cara memperolehi modal yang pertama yang dianjurkan oleh Chaudhuri itu tidak asing kepada pedagang-pedagang Cina dan India, walaupun mereka berpengkalan di Asia Tenggara akan tetapi agak kurang meluas diamalkan di kalangan pedagang-pedagang Melayu. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa wujud golongan entrepreneur atau komuniti perdagang yang besar di kalangan masyarakat Melayu biasa. Yang ada hanyalah di kalangan bangsawan. Justeru itu untuk memperolehi modal cara begini agak sukar sedikit. | Namun demikian terdapat juga beberapa kekecualian dalam hal ini kerana sekitar pertengahan abad ke-18M, telah wujud beberapa orang saudagar Melayu yang kaya di sekitar Selat Melaka yang bukan terdiri dari kalangan elit. Di Melaka umpamanya diperolehi nama seperti Encik Dollah (Abdullah) Putih dan di Selangor Incik Amin yang merupakan pedagang-pedagang **kommenda** yang besar. Mereka sering mengirimkan barang dagangan mereka melalui perahu-perahu yang dinakhodai oleh orang lain.<sup>2</sup> Besar kemungkinan yang mereka mempunyai modal terkumpul yang banyak dan dapat dipinjamkan kepada ahli keluarga atau kepada pedagang-pedagang lain.

| Bagi cara pengumpulan modal yang kedua memang telah lumrah di kawasan ini; iaitu menguruskan pelaburan dan kewangan golongan elit pemerintah. | Memang pada abad ke-18M itu, sebahagian besar daripada entrepreneur Melayu terdiri daripada golongan bangsawan. Merekalah yang memperolehi kuasa dan modal bagi menjalankan

---

<sup>2</sup> Incik Dollah Putih sekurang-kurangnya mempunyai dua buah perahu gonting, sebuah dinakhodai oleh Incik Melaka dan sebuah lagi oleh Mamat. Incik Amin dari Selangor juga merupakan tuan perahu. Daftar Perkapalan Belanda di Melaka tahun 1761M mencatatkan dua daripadanya; sebuah banting yang dinakhodai oleh Nakhoda Oebiearan dan sebuah pencalang yang dinakhodai oleh Nakhoda Amat. VOC 3062.

sesuatu perdagangan. Pengumpulan modal bagi mereka tidak menjadi masalah kerana kedudukan mereka sebagai pemerintah yang berhak mengutip cukai daripada pedagang dan rakyat. Di samping itu mereka berhak memonopoli sesuatu barang itu seperti kain, beras, candu, timah dan lada hitam.<sup>3</sup> Oleh kerana mereka sendiri tidak menjalankan perdagangan itu kerana kedudukan mereka sebagai orang yang dimuliakan, maka modal dan pelaburan mereka dalam perdagangan itu diuruskan oleh orang lain. Justeru kerana itu kita dengar tentang wujudnya jawatan **saudagar raja** dan wakil-wakil perdagangan golongan ini yang biasanya terdiri daripada para nakhoda perahu yang membawa barang dagangan itu.)

Dalam Daftar Perkapalan Belanda abad ke-18M di Melaka, banyak tercatat tentang nakhoda-nakhoda yang membawa barang raja atau kerabatnya serta pembesar-pembesar. Perdagangan begini samalah dengan perdagangan **commenda** yang dijalankan di Barat. Sebagai contoh, Raja Indra Bongsu dari Asahan merupakan seorang pedagang besar yang mempunyai beberapa buah perahu. Barang dagangannya biasanya dikendalikan oleh para nakhoda yang melayari perhau-perahu itu. Umpamanya pada 5 Februari 1761, sebuah gonting baginda belayar dari Melaka dinakhodai oleh Nakhoda Zeijlang membawa garam, parang besi dan barang-barang runcit tempatan.<sup>4</sup> Pada 20 Ogos tahun yang sama sebuah lagi gontingnya yang dilayari oleh Nakhoda Rasoes belayar keluar dari Melaka ke Siak membawa antara lain, garam, parang, gula, kain dan beberapa barang lain.<sup>5</sup> Baginda juga mempunyai

---

<sup>3</sup> Lihat surat daripada Sultan Kedah kepada Francis Light. Surat No. 21. *Light Letters*, MS 40320/3.

<sup>4</sup> VOC 3062.

<sup>5</sup> *Ibid.*

sebuah cialup yang dinakhodai oleh Nakhoda Troek dan sebuah permayang yang inakhodai oleh seorang nakhoda Cina bernama Chan Sien Ko.<sup>6</sup> Selain daripada Raja Andra Bongsu terdapat nama-nama golongan elit lain seperti Megat Raja dari Andragiri,<sup>7</sup> Syied Umar, pemangku raja Rokan<sup>8</sup> dan para raja dan sultan negeri-negeri Melayu di Semenanjung dan Sumatera, seperti Sultan Perak,<sup>9</sup> Sultan Terengganu,<sup>10</sup> Sultan Selangor,<sup>11</sup> Sultan Kedah<sup>12</sup> dan Raja Siak.<sup>13</sup>

Dilaporkan bahawa para sultan dan pemerintah negeri-negeri Melayu itu juga merupakan pemutang (*creditor*) yang utama dalam negeri mereka. Dalam sepucuk surat kepada Sultan Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Syah (1778-1798M), beberapa orang pedagang Culia telah memohon pinjaman wang bagi membeli sebuah kapal dan beberapa ekor gajah untuk didagangkan di India.<sup>14</sup> Di samping itu menurut Crawfurd bahawa para pemerintah negeri-negeri di Kepulauan Melayu ini dikatakan meminjamkan modal dengan mengenakan bunga.<sup>15</sup>

Cara ketiga yang dinyatakan oleh Chaudhuri itu mungkin wujud juga di kawasan ini, akan tetapi oleh kerana kurangnya dokumen atau hasil-hasil catatan tempatan zaman

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> VOC 3650

<sup>8</sup> VOC 3650 & 3735

<sup>9</sup> VOC 3735

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> *Light Letters*, Surat 6 & (, MS 40320/3

<sup>12</sup> *Ibid.*, Surat 21.

<sup>13</sup> VOC 3735

<sup>14</sup> *Light Letters*, MS 40320/3. Dalam sepucuk surat daripada seorang pemberas Siak bernama Tengku Raden Muhammad kepada Francis Light dinyatakan tentang pinjaman yang diberikannya dan juga Sultan Siak kepada orang tertentu. Lihat *Light Letters*, MS 40320/3, Surat M7. Lihat juga M12, *Light Letters*, MS 40320/3.

<sup>15</sup> J. Crawfurd, *History of the Indian Archipelago*, London:Frank Cass, 1967, h. 143.

itu, maka agak sukarlah untuk membuktikannya. Namun demikian di kawasan Asia Tenggara ini, khususnya di sekitar Selat Melaka, wujud dua cara lagi bagi pedagang mengumpulkan modal. Pertama yang berkaitan dengan perdagangan **kommenda**. Dalam sistem perdagagan begini biasanya nakhoda mempunyai syer barang yang mereka bawa walaupun mereka dibayar upah atau gaji.<sup>16</sup> Justeru itu nakhoda tidak perlu mengeluarkan modal untuk memperolehi barang dagangannya, malah modal telah disediakan oleh pedagang-pedagang yang menggunakan perahu yang dinakhodainya itu. Dalam sistem ini para nakhoda itu sendiri merupakan pedagang, malah mengikut pendapat A.Reid & R.Fernando, para nakhoda itulah yang merupakan asas kepada kelas entrepreneur Melayu.<sup>17</sup>

Selain daripada itu modal juga boleh dikumpulkan melalui kegiatan perlanunan. Dalam Bab VI kajian ini, akan dijelaskan tentang kegiatan perlanunan yang berleluasa di perairan Selat Melaka dan sekitarnya. Hasil perlanunan ini merupakan modal yang lumayan untuk didagangkan. Kerana itu jugalah perdagangan dan perlanunan tidak dapat dipisahkan khususnya di perairan Selat Melaka.

<sup>16</sup> Lihat Fasal ke-33, *Undang-undang Perahu*, OR 3292, ACAD.LUGD.BAT.BIBL., University Leiden.

<sup>17</sup> A.Reid & R.Fernando,"Shipping on Melaka and Singapore as an Index of Growth, 1760-1840," kertas kerja di *Confrence of the International Association of Hsitorian of Asia*, University Sophia, Tokyo, September 1994, h. 12.

#### IV.2. Insuran

Pengangkutan barang dagangan jarak jauh maupun jarak dekat mempunyai banyak risiko, tidak kira sama ada pengangkutan barang itu melalui jalan darat atau laut. Risiko yang dihadapi terlalu banyak khususnya di laut seperti perlanunan, angin, karang dan kerosakan. Risiko-risiko ini terpaksa ditanggung oleh pihak pedagang. Oleh kerana itu pedagang sering menginsurangkan dagangan mereka supaya penanggungan kerugian itu tidak tertanggung ke atas pedagang semata atau tuan punya kapal. Dengan adanya insuran ini segala risiko dalam pelayaran itu ditanggung oleh pihak ketiga, iaitu agensi insuran.

Memang telah diketahui insuran perdagangan dan perkapalan bagi pedagang-pedagang India telah lama wujud. Apa yang dikenali sebagai *bottomry loan* memang telah diamalkan di India sejak 600SM lagi.<sup>18</sup> *Bottomry loan* ini merupakan kontrak kelautan di mana tuan punya kapal atau pedagang meminjam wang untuk sesuatu jangka masa, untuk tujuan membaikpulih atau melengkapkan kapal dan kapal itu dijadikan sebagai cagaran. Seandainya kapal itu hilang akibat sebarang kecelakaan, pemutang akan kehilangan wang piutangnya. Seandainya ada keuntungan, pedagang (tuan kapal) akan mendapat syernya setelah pinjaman itu dijelaskan dengan bunganya. Seandainya pelayaran itu tidak menguntungkan, pedagang tadi terpaksa menjelaskan pinjamannya itu dengan barang dagangannya sendiri atau kadangkala

---

<sup>18</sup> V.Rispler, *Insurance in the World of Islam: origins, problems and current practice*, Ann Arbor, Michigan:U.M.I, Dissertation Services, 1994, h. 15.

terpaksa menyerahkan dirinya atau ahli keluarganya sebagai hamba tebusan.<sup>19</sup> Di India kadar bunga yang terpaksa dijelaskan itu bergantung kepada besar kecilnya risiko dan jauh dekatnya perjalanan itu. Bunga ini seolah-olah berfungsi sebagai premium dalam sistem insuran moden. Dan seperti premium juga, ia perlu dijelaskan sebelum sesebuah kapal itu belayar. Seandainya barang yang dibawa itu rosak atau musnah sama sekali, peminjam bebas dari hutangnya, segala tanggungan kerugian terserah kepada pihak pemutang.<sup>20</sup>

Akan tetapi apakah sistem insuran yang begini wujud di kalangan pedagang dan pelaut Melayu? Kelihatannya tidak ada, khususnya kerana sistem begini mengenakan bunga yang merupakan amalan yang diharamkan dalam Islam, walaupun orang-orang Melayu ketika itu ada yang mengamalkan riba. Di samping itu Islam juga mengharamkan segala bentuk insuran kerana ia mengandungi unsur-unsur *gharar*<sup>21</sup> dan *jahala*<sup>22</sup> yang dikutuk oleh Islam. Di samping itu ada juga kemungkinan risiko yang akan ditanggung oleh pihak yang menginsurankan itu terlalu tinggi khususnya pada abad ke-18M hingga tidak ada yang sanggup melakukannya.<sup>23</sup> Oleh itu apakah caranya pedagang-pedagang Melayu cuba mengelakkan kerugian sekiranya berlaku

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 14-15.

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 15-16.

<sup>21</sup> *Gharar* bermaksud risiko atau perjudian nasib. Dalam terminologi Islam, ia merupakan penjualan sesuatu barang yang tidak berada dalam tangan masa itu atau menjual barang yang akibatnya tidak diketahui lagi atau penjualan yang melibatkan risiko dan bahaya di mana seseorang itu tidak dapat mengetahui sama ada komoditi itu akan diperolehinya nanti atau sebaliknya. Lihat Abdullah Alwi, *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*, Islamabad: Islamic Research Institute, International Islamic University, 1994, h. 47. Lihat juga V. Rispler, *op.cit.*, h. 50-51.

<sup>22</sup> *Jahala* bermaksud penjualan barang yang wujud akan tetapi tidak tentu kuantiti atau saisnya. *Ibid.*, h. 51. Lihat juga Md. Akhir Hj. Yaacob(ter.), *Undang-undang Sivil Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, Fasal 213, h. 58.

<sup>23</sup> Abad ke-18M menyaksikan kegiatan perlanunan yang paling hebat di sekitar Selat Melaka.

sesuatu musibah ke atas barang dagangan atau perahu mereka dalam masa pelayaran atau sekurang-kurangnya meminimumkan kerugian itu?

Ada kemungkinan besar para pedagang dan pelaut Melayu itu menggunakan sistem yang diamalkan oleh pedagang-pedagang Islam ketika itu; iaitu menggunakan sistem *mudarabah*<sup>24</sup> kerana sistem *commenda* yang dijalankan oleh mereka itu pada prinsipnya sama dengan sistem *mudarabah*. Pada amnya *al-mudarabah* merupakan sebuah rancangan di mana seorang pelabur atau *rabb al-mal* (atau di Eropah dikenali sebagai *commenciator*) atau sekumpulan pelabur (*arbab al-amwal*) mengamanahkan modal atau barang dagangan kepada seorang agen-pengurus ('*amil*, *mudarib* atau di Eropah dikenali sebagai *tractor*). Agen itu akan mengusahakannya dan tanpa melengah-lengahkan masa, mengembalikan kepada pelabur tadi modal pokok dan syer daripada keuntungan yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Sebagai upah usahanya, agen itu akan menerima syernya daripada keuntungan itu. Sebarang kerugian akibat daripada keributan dalam perjalanan atau daripada sebuah usaha perdagangan yang gagal akan ditanggung sendiri oleh pemodal. Agen itu tidak boleh dipersalahkan di atas kerugian itu, dia hanya rugi usaha dan masanya.<sup>25</sup>

Sistem *mudarabah* ini telahpun diamalkan oleh pedagang-pedagang Islam sejak abad ke-8 dan 9M lagi di Hijaz dan Iraq.<sup>26</sup> Malah sistem ini dikatakan pernah juga

<sup>24</sup> Mengikut V.Rispler, sistem *mudarabah* merupakan transaksi yang paling serupa dengan insuran. V. Rispler, *op.cit.*, h. 74

<sup>25</sup> Abdullah Alwi, *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*, Islamabad: Islamic Research Institute, 1994, h.87.

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 84.

diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. ketika baginda mendagangkan barang Siti Khadtijah yang kemudian menjadi isteri baginda. Beberapa orang sahabat juga sering menggunakan sistem ini dalam urusan perdagagan mereka.<sup>27</sup> Oleh kerana itu ada kemungkinan besar sistem ini telah juga diperkenalkan di Nusantara di mana ramai pedagang Islam itu berdagang sejak sebelum wujudnya kerajaan Melayu Melaka.

Namun demikian tidak ada bukti yang jelas sistem ini digunakan sepenuhnya dalam meminimumkan kerugian bagi pihak pedagang dan tuan punya kapal jika berlaku sesuatu musibah dalam pelayaran. Walaupun dikatakan perdagangan jenis kommenda wujud di sini akan tetapi peraturan yang terkandung dalam undang-undang perdagangan Melayu tidak menyebut tentang hukum *mudarabah* ini. Walaupun nakhoda dan anak perahu memperolehi syer barang dagangan yang diangkut di dalam perahu mereka, akan tetapi syer itu lebih merupakan bayaran atau upah. Nakhoda tidak menerima syer daripada keuntungan barang yang dibawa dalam perahunya itu kecuali barang yang telah dikhaskan sebagai bayaran untuknya. Begitu juga anak-anak kapalnya.

Sungguhpun begitu wujud beberapa peruntukan dalam undang-undang laut Melayu yang menyatakan fasal berdagang dengan modal orang lain. Seperti yang telah dijelaskan, perdagangan kommenda di kawasan ini dijalankan dengan cara barang atau modal diserahkan kepada wakil pedagang atau kiwi untuk didagangkan. Segala keuntungan akan diagihkan di antara pedagang dengan wakilnya mengikut peraturan

---

<sup>27</sup> Lihat Abdullah Alwi, *op.cit.*, h. 88-89.

yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Namun demikian tidak ada peruntukan untuk membayar ganti rugi pedagang sekiranya berlaku musibah dalam pelayaran.

Namun demikian wujud juga peraturan yang seakan-akan peraturan *mudarabah* ini di dalam undang-undang laut itu. Akan tetapi tidaklah tulen mengikut peraturan syariah. Wujud juga pengaruh luaran khususnya pengaruh India di dalamnya. Dalam *Undang-undang Perahu* terdapat banyak fasal tentang melepaskan perahu dengan modal orang lain. Di antaranya ialah Fasal 41, 43, 44, 45, 47, 48 dan 49. Sebagai contohnya dalam Fasal 49, *Undang-undang Perahu*, dicatatkan bahawa jika melepaskan perahu dengan modal berkongsi empat lima orang dan salah seorang daripada mereka menjadi wakil membawa dagangan itu, jika wujud perasaan tidak puas hati di kalangan ahli kongsi itu dengan wakil tadi, hendaklah disiasat wakil itu tentang untung dan ruginya. Kalau berapa banyak sekalipun untung dan rugi itu hendaklah diagihkan kepada semua. Jika wakil itu tidak pulang pada masa yang telah dijanjikan dan diikuti oleh pekongsi-pekongsi yang lain, jika bertemu, wakil tadi mesti mengembalikan modal yang dibawanya itu. Walau berapa lama sekalipun tidak boleh dituntut lebih daripada sekali ganda. Jika tidak dapat dijelaskannya, dia akan dihukum menjadi hamba selama empat tahun.<sup>28</sup>

---

<sup>28</sup> *Undang-undang Perahu*, OR 3292, ACAD.LUGD.BAT BIBL., University Leiden.

Fasal 49 mencatatkan; "Yang keempat puluh sembilan pada menyatakan hukum melepas modal pergi belayar dua tiga atau empat orang atas janjinya atas seorang mengambil itu yang memegang janji tiada sekata pada yang lain semak siasat atas laba ruginya yang berjanji jua adanya kalau berapa banyak sekalipun kalau ada ambil bersama2 menjadi sifatnya satu jangan beringgalan kalau seorang atau tiga orang taksir yang pulang berbayar semuanya dengan serta lamnya kerana tiada diperjanjian kalau tiada pulang lebih daripada janji diikutnya oleh yang punya emas yang dilepas itu kalau bertemu dikenal akan kalau berapa lamanya sekalipun tidak ada lebih daripada ganda kalau emas bebayar seperti adatnya kalau tiada emas diperhambari empat tahun itulah hukumnya."

Dalam *Undang-undang Belayar* juga ada dicatatkan tentang gantirugi penumpang yang menumpang sesebuah perahu itu. Sekiranya berlaku kerosakan kepada perahu akan tetapi hartanya selamat, dia perlu membayar cukai atau tambangnya. Jika hartanya ada yang selamat, begitu juga harta nakhoda dan anak kapal, dia tidak dikenakan bayaran untuk makanan. Akan tetapi seandainya hartanya tidak selamat yang selamat hanyalah harta nakhoda dan harta anak kapalnya, maka penumpang itu tidak dikenakan bayaran dan makanannya pun dalam pelayaran itu ditanggung oleh nakhoda dan anak kapal.<sup>29</sup>

Walaupun jelas nampaknya wujud unsur insuran dalam fasal-fasal yang dinyatakan di atas, akan tetapi risiko tetap ditanggung oleh pihak pertama dan kedua tidak pada pihak ketiga seperti dalam insuran moden. Namun demikian, ia agak mirip dengan sistem *mudarabah*, khususnya dalam Fasal 49, *Undang-undang Perahu*, kerana keuntungan dan kerugian dikongsi bersama dan saling bantu membantu dalam menghadapi sesuatu masalah.

---

<sup>29</sup> Lihat Fasal Tiga Belas Likor, *Undang-undang Belayar*, OR 3293.

Tentang “fasal tiga belas likor” dalam undang-undang ini terdapat sedikit kesilapan. Mungkin kerana kesilapan penyalin atau kesilapan pengiraan. Fasal tiga belas likor itu sepatutnya ditulis Fasal yang kedua puluh tiga likor kerana urutan sebelumnya ialah Fasal kedua puluh dua likor. Kesalahan ini berterusan hingga ke Fasal yang kedua puluh sembilan yang diacatatkankan sebagai yang kesembilan likor. Selepas itu barulah betul kembali, iaitu Fasal ketiga puluh.

Fasal Tiga Belas Likor itu mencatatkan;

“Yang ketiga belas likor pada menyatakan orang memimpang rosak perahu tumpang artanya selamat ke darat arta nakhoda tiada ke darat selamat arta anak perahu bayar cukai atau penumpangan akan makanan nakhoda di atas serah anak perahu kalau setengah selamat arta nakhoda dan anak perahu ada yang selamat arta orang yang menumpang tiada memeri cukai dan penumpangan kerana makanan kalau tiada selamat arta orang menumpang selamat arta nakhoda dan anak perahu maka memberi makanan nakhoda serta anak perahu orang menumpang sehingga tiadalah hutang atasnya orang itu demikianlah humumnya.”

#### IV.3. Matawang

Matawang merupakan alat yang sangat penting dalam perdagangan. Ia membolehkan pihak penjual mendapat bayaran dan pihak pembeli mendapat barang dengan mudah. Pelbagai matawang telah pernah digunakan oleh pedagang-pedagang Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Pada tahun-tahun awal penubuhannya, pedagang-pedagang yang berdagang di Melaka menggunakan perlbagai jenis bahan sebagai ganti wang. Ini termasuklah serbuk emas, kepingan-kepingan perak dan bungkalan (jongkong) timah. Untuk jual beli secara kecil-kecilan di pasar, *cowrie* (kulit-kulit karang laut) juga pernah digunakan.<sup>30</sup> Di samping itu wang syiling tembaga Cina juga telah digunakan di Melaka khususnya sejak Parameswara melawat China dalam tahun 1411M.<sup>31</sup>

Dikatakan wang syiling sebenar Melaka berpunca daripada wang kerajaan Pasai. Melalui pengaruh wang kerajaan itulah akhirnya Melaka menempa wang shilingnya sendiri; yaitu **dinar** yang diperbuat daripada emas dan **pitis** yang diperbuat daripada timah.<sup>32</sup> Wang pitis ini merupakan tukaran kecil yang digunakan untuk berjual beli di pasar. Untuk transaksi yang lebih besar, jongkong timah seberat kira-kira 2 paun yang dipanggil *calain* digunakan.

<sup>30</sup> W. Shaw & Mohd. Kassim Hj. Ali, *Malacca Coins*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1970, h. 2.

<sup>31</sup> Ketika kembali dari lawatannya ke China, Parameswara telah dihadiahkan oleh Maharaja Cina antara lain 400,000 untai wang kertas dan 2,600 untai wang logam. Lihat Liang Liji, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, h. 56. Namun demikian penggunaan wang kertas tidak pernah diketahui digunakan di Melaka.

<sup>32</sup> W. Shaw & Mohd Kassim Hj. Ali, *op.cit.*, h. 2.

Tome Pires pernah mencatatkan bahawa kerajaan Melayu Melaka mempunyai matawang mereka sendiri yang disebutnya sebagai *calain*, *cashes*, *reis* dan *ceitis*. Kesemuanya diperbuat daripada timah. Seratus *cashes* bersamaan dengan satu *calam*. Mata wang dari Kembayat dan Ormuz juga laku digunakan di Melaka ketika itu.<sup>33</sup> Sungguhpun begitu, wang hanya memainkan peranan penting di kota-kota pelabuhan sahaja. Di kawasan perdalaman darimana datangnya hasil-hasil eksport dan juga bahan makanan, wang tidak memainkan peranan. Kalau adapun hanya wang-wang kecil seperti *cashes* sahaja. Malah mengikut S.Arasaratnam, hasil dari sektor bukan perdagangan bila sampai ke pasar akan dibayar dengan tukaran wang kecil.<sup>34</sup>

Di Aceh juga wujud matawangnya sendiri, sungguhpun wang dari luar juga turut laku. Sejak zaman sebelum wujudnya kerajaan Aceh Darussalam, matawang emas telah diperkenalkan di bahagian utara Sumatera itu. Ibn Battuta pernah mencatatkan bahawa sejenis wang emas dan timah telah digunakan di Samudra-Pasai sekitar 1345/46M. Wang timah itu berbentuk kepingan-kepingan kecil manakala wang emas merupakan emas tulen yang tidak dilebur.<sup>35</sup>

Ketika Portugis sampai di Melaka pada awal abad ke-16M, Pasai masih menggunakan dua jenis wang ini, akan tetapi dalam bentuk yang lebih baik. Wang

<sup>33</sup> A.Cortesao(ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, 1967, h. 275.

<sup>34</sup> S.Arasaratnam, *Pre-Modern Commerce and Society in Southeast Asia*, Kuala Lumpur:University Malaya, 1972, h. 20.

<sup>35</sup> H.A.R.Gibb (ed), *Ibn Battuta, Travels in Asia and Africa, 1325-1354*, London:Routledge & Kegan Paul, 1969, h. 273.

timahnya merupakan kepingan-kepingan kecil yang di atasnya tertulis nama raja yang memerintah. Wang timah ini mengikut Tome Pires sama seperti *ceitis* (pitis) di Melaka. Wang emasnya juga merupakan kepingan emas yang kecil dipanggil *dramas* (dirham). Lima ratus *cauxa* (*cash*) bersamaan dengan satu *dramas*. Di samping itu mereka juga menggunakan emas urai dan perak sebagai bahan tukaran.<sup>36</sup> Di Pidir yang berhampiran juga menggunakan wang yang sama dan ditambah dengan wang perak yang dipanggil *tangas*. Untuk jual beli barang yang banyak, mereka juga menggunakan emas urai.<sup>37</sup> Akan tetapi pada abad ke-18M, Pidir mempunyai mata wang yang lain. Di samping menggunakan **mas (dirham)** Aceh ia menempa wangnya sendiri yang dipanggil **gupang** (kupang), diperbuat daripada Perak. Empat gupang bersamaan satu mas, enam belas gupang bersamaan 1 ringgit(*dollar*) Sepanyol.<sup>38</sup>

Setelah terbentuknya kerajaan Aceh Darulsallam, kerajaan itu telah menempa wang-wang yang baru. Sultan Alauddin Riayat Syah al-Kahar (1530-1557M) merupakan Sultan Aceh yang pertama mengusahakan penempaan wang emas yang dikenali sebagai *deureuham* (dirham). Al-Kahar juga telah menetapkan ringgit(*dollar*) atau rial Sepanyol sebagai unit piayaian bagi wang Aceh. Tukaran ketika itu adalah 4 dirham bersamaan satu ringgit Sepanyol.<sup>39</sup> Dirham ini juga dikenali oleh orang Aceh sebagai *meuth* (mas). Di samping itu al-Kahar telah membeli wang tembaga Inggeris yang dikenali oleh orang-orang Aceh sebagai *duet manok* (duit ayam) kerana terdapat

<sup>36</sup> A. Cortesao (ed), *op.cit.*, h. 144.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 140

<sup>38</sup> K.F.H. van Langen, *Susunan Pemerintahan Aceh Semasa Kesultanan*, Banda Aceh: Pusat Dikumentasi dan Informasi Aceh, 1986, h. 73.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 67.

cap ayam di permukaan syiling tembaga itu. Dua ratus lima puluh (250) duit ayam ini bersamaan satu mas dan 1000 duit ayam bersamaan 1 ringgit Sepanyol.<sup>40</sup> Dalam zaman pemerintahan Sultanah Safiatuddin Syah (1641-1675M), nilai mas telah merosot kepada 6 mas untuk 1 ringgit Sepanyol.

Selepas pemerintahan Sultanah Safiatuddin tidak ada lagi penempaan wang mas. Sebagai ganti, wang-wang asing digunakan khususnya wang Inggeris dan wang Belanda. Namun demikian semasa pemerintahan Sultan Syamsul Alam (1723M), telah ditempa wang syiling timah yang dipanggil *keueh cot bala*. Wang ini digunakan sebagai tukaran kecil di pasar. Tukarannya dengan ringgit Sepanyol adalah, 140 *keueh* untuk 1 ringgit. Dalam zaman Alauddin Ahmad Syah (1723-1725M) ditempa *keueh-kueh* yang lebih kecil: 800 *keueh* bersamaan 2 ringgit Sepanyol. Pada zaman pemerintahan Alauddin Johan Syah (1735-1760M), nilai *keueh* merosot menjadi 1600 *keueh* untuk 1 ringgit. Ketika T. Forrest berada di Aceh sekitar tahun 1762M, nilai *keueh* adalah 600-650 untuk satu ringgit Sepanyol.<sup>41</sup>

Selain daripada Melaka dan Aceh, hampir semua negeri Melayu di Semenanjung menempa wang mereka sendiri selewat-lewatnya pada abad ke-17M. Negeri-negeri yang diketahui mengeluarkan mata wangnya sendiri ialah Johor, Pahang, Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Di samping itu Melaka di bawah pemerintahan

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 67.

<sup>41</sup> T. Forrest tidak menyebut nama matawang itu. Namun demikian pada masa itu *keueh*lah tukaran kecil yang digunakan di Aceh. Lihat T. Forrest, *A Voyage From Calcutta to the Mergui Archipelago*, Microfiche, 8442, Perpustakaan Universiti Malaya, h. 35.

Portugis dan Belanda juga mengeluarkan mata wang mereka sendiri. Wang-wang ini diperbuat daripada emas, perak, tembaga, gangsa dan timah.

Kedah umpamanya mula membuat wangnya sendiri dalam zaman Sultan Dziya'ud-din al-Mukarram Syah (1661-1687M). Wang itu diperbuat daripada emas dan dipanggil **kupang**. Kemudian dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Syah II (1710-1760M), ditempa wang **kupang** yang baru. Wang ini juga diperbuat daripada emas, akan tetapi bentuknya berbeza. Jika wang yang ditempa dalam zaman Sultan Dziya'ud-din itu berbentuk oktagonal (segi lapan), wang yang dibuat dalam zaman Sultan Muhammad Jiwa ini berbentuk bulat.<sup>42</sup>

Di samping wang emas, Kedah juga mengeluarkan wang tembaga dan peuter. Wang tembaga itu disalut dengan timah dan tidak diketahui namanya. Sembilan puluh enam keping wang ini bersamaan dengan satu kupang emas.<sup>43</sup> Wang peuter itu pula dikenali sebagai **tra**.<sup>44</sup> Ia merupakan syiling tunai (*cash coins*) yang digunakan untuk jual beli di pasar.<sup>45</sup> Selain daripada itu Kedah juga ada mengeluarkan beberapa jenis wang syiling yang lain yang tidak diketahui namanya di samping sejenis wang yang berbentuk ayam sabung.<sup>46</sup>

<sup>42</sup> W. Shaw & Mohd. Kassim Hj. Ali, *Coins of North Malaya*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1971, h. 9-11.

<sup>43</sup> Kadar tukaran ini adalah kadar tukaran tahun 1670M. Lihat *ibid.*, h. 12.

<sup>44</sup> Pernah satu ketika Francis Light mencadangkan supaya negeri Kedah menggunakan wang pitis untuk kegunaan harian, akan tetapi Sultan Kedah ketika itu menolak cadangan ini kerana katanya, "...maka akan fasal pitis itu sudah beta bicara jadi banyak sudah kerana orang utan padang sudah biasa dengan kupang kendiri dan tera timah jika diubah tiada tahu merka itu berkira ..." Lihat Surat no.21, *Light Letters*, ms 40320/3.

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 13.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 14-18.

Seperti Kedah, Kelantan juga mengeluarkan wang **kupang** emasnya sendiri. Lapan kupang bersamaan 1 *dollar*(ringgit) Sepanyol. Kupang-kupang Kelantan ini terdiri daripada 3 jenis, yang pertama **kupang kijang**, kedua kupang **dinar matahari** dan yang ketiga juga kupang tetapi tidak mempunyai nama khas. Berbeza daripada kedua-dua kupang yang terdahulu kedua-dua belah permukaannya bertulis dengan huruf Jawi. Kupang kijang mempunyai gambar kijang pada permukaannya, manakala dinar matahari mempunyai ukiran bintang atau bunga pada sebelah permukaannya manakala pada sebelah lagi tertulis dalam tulisan Arab perkataan *Malik al-Adil*.<sup>47</sup> Semua wang itu diperbuat daripada emas dan tidak satupun yang bertarikh.

Selain daripada itu Kelantan juga mengeluarkan wang tukaran kecil yang diperbuat daripada peuter dikenali sebagai **pitis**. Wang pitis ini biasanya dibuat secara tuang menggunakan acuan yang berbentuk pokok duit. Bila hendak digunakan, syiling itu dipatahkan daripada pokoknya. Pada peringkat awal pembuatannya ia diperbuat daripada timah tetapi kemudian diperbuat daripada peuter.<sup>48</sup>

Terengganu pula mempunyai wang emasnya sendiri yang dipanggil **mas** dan **kupang**. Seperti Kelantan, ia juga mengeluarkan wang **pitis** yang diperbuat daripada peuter, akan tetapi tidak dalam bentuk pokok pitis (duit). Pitis Terengganu ini mempunyai

<sup>47</sup> *Ibid.*, h. 19-26.

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 26-27.

Hingga ke hari ini orang-orang Kelantan masih menggunakan perkataan **pitis** bagi merujuk kepada wang.

tiga bentuk; pertama bentuk oktagonal (segi lapan), kedua bentuk bulat dan yang ketiga bentuk bulat tetapi mempunyai lubang segi empat di tengah-tengahnya.<sup>49</sup>

Di Perak dan Selangor nampaknya tidak wujud wang emas. Sejak abad ke-17M lagi orang-orang Perak menggunakan ketulan-ketulan timah sebagai wang. Dikatakan pada tahun 1678M, *dollar* perak Sepanyol tidak begitu diminati oleh orang-orang Perak.<sup>50</sup> Mereka lebih suka membarterkan jongkong-jongkong timah mereka dengan barang yang dibawa oleh orang Barat. Jongkong timah utama yang dijadikan bahan tukaran itu dikenali sebagai **bidor**.<sup>51</sup> Satu bidor merupakan satu jongkong timah seberat lebih kurang dua setengah kati dinilaikan suku *dollar* Sepanyol. Satu bahar pula bersamaan 125 bidor atau 31 1/4 *dollar* Sepanyol.<sup>52</sup> Di samping itu terdapat juga wang-wang timah yang berbentuk roti dan pagoda yang digunakan sebagai wang perdagangan dalam negeri.<sup>53</sup>

Di samping negeri-negeri Melayu, Melaka yang di bawah pemerintahan Portugis dan kemudiannya Belanda juga menempa wang syiling mereka sendiri. Semasa

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 35-38.

<sup>50</sup> Di Aceh juga wujud keadaan yang sama; orang-orang Aceh tidak suka menerima wang perak itu. Mengikut keterangan seorang laksamana Perancis, A.de Beaulieu bahawa di Aceh ketika itu (Zaman Iskandar Muda Mahkota Alam 1607-36M), *real (dollar)* Sepanyol biasanya tidak laku dan tidak akan laku di kota itu sekiranya ia tidak diterima oleh pedagang-pedagang Surat dan Masulipatam. Mereka akan membeli wang-wang perak itu dan membawanya kembali ke India. Sultan Iskandar Muda langsung tidak menghargai wang ini dan menganggapnya sebagai tanah sahaja. Lihat D.Lombard, *Kerajaan Aceh, jaman sultan iskandar muda (1607-1636)*, Jakarta: Balai Pustaka, 1986, h.144-45.

<sup>51</sup> Berbeza dengan di Kedah; timah tidak dibenarkan diguna sebagai wang untuk membeli belah. Orang ramai tidak dibenarkan menggunakan bidor, tampang atau penjuru (semuanya merupakan jongkong timah tetapi berbeza berat timbangannya) untuk membeli sirih, tembakau atau barang lain. Sesiapa yang melanggar peraturan ini akan dikenakan hukuman. Lihat R.O.Winstedt, "Kedah Laws", dlm. JMBRAS, Vol.VI, Pt.II, 1928, h. 21.

<sup>52</sup> W.Shaw & Mohd. Kassim Hj.Ali, *Tin 'Hat' and Animal Money*, Kuala Lumpur:Muzium Negara, 1970, h. 5.

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 6.

pemerintahan Portugis umpamanya telah ditempa syiling yang diperbuat daripada emas, perak dan peuter seperti *catholico* (emas), *malauquese* (perak), *bastardo* (peuter). Semua syiling ini dikeluarkan pada abad ke-16M. Pada abad ke-17M, dikeluarkan pula wang syiling *botella* (perak), *tanga* (perak) dan *bazzarucco* (timah). *Bazarucco* ini merupakan wang kecil yang digunakan untuk membeli belah di bazar.<sup>54</sup>

Sungguhpun hampir setiap negeri mengeluarkan wang mereka sendiri akan tetapi nampaknya wang itu tidak diperdagangkan keluar. Wang-wang yang diedarkan itu hanya digunakan di dalam negeri. Jika tedapat digunakan di luarpun, ianya dinilai mengikut nilai muka (*face value*) khususnya wang emas. Untuk perdagangan antara bangsa sering digunakan *dollar* Sepanyol atau dikenali juga sebagai *piece of 8* atau di kalangan orang Melayu dipanggil rial (*real*). Mata wang ini telah diperkenalkan oleh pihak Portugis sekitar tahun 1580-an dan mereka memanggilnya *Pardao de Reales*.<sup>55</sup> Pada peringkat awal, wang perak ini dibawa terus dari Eropah, akan tetapi kemudian ia telah ditempa di koloni-koloni Sepanyol di bahagian tengah dan selatan Amerika. Dikatakan bahawa *galleon-galleon* Sepanyol yang sendat dengan barang dagangan timur akan meninggalkan Manila untuk ke Acapulco di Mexico dan kembali ke Filipina dengan perutnya dipenuhi oleh *pesos* (wang) perak yang telah ditempa dengan tujuan untuk diagih-agihkan di seluruh *Orient*. Pada peringkat awal wang ini hanya merupakan kepingan perak yang ditempa mengikut bentuknya

---

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 16-18

<sup>55</sup> Pada tahun 1580M Portugal dan Sepanyol telah disatukan di bawah satu pemerintahan dan diperintah oleh King Felipe (1555-1598M) dari Sepanyol. Lihat W. Shaw & Mohd. Kassim Hj. Ali, *loc.cit.*, 1970, h. 13.

sebelum ditera ke atasnya rajah *Crown Arms of Spain* di sebelahnya dan di sebelah lagi *Cross of Christ*. Orang-orang Melayu memanggil wang ini sebagai **rial batu**.<sup>56</sup>

Sekitar tahun 1730-an, secara beransur-ansur syiling jenis ini digantikan dengan syiling yang diperbuat menggunakan mesin dengan nilai 8 *real*. Wang ini dikenali sebagai ringgit tiang (*pillar dollar*).<sup>57</sup> Dalam tahun 1770-an *design* di permukaannya ditukar daripada *Pillar of Hercules* kepada bentuk-bentuk rajah-raja Sepanyol yang memerintah ketika itu. Ia terus dikeluarkan sehingga sekitar tahun 1821M apabila sebahagian besar wilayah takluk Sepanyol di Amerika Selatan memerdekaan diri.<sup>58</sup>

Sungguhpun pada masa-masa tertentu di Aceh, Perak dan Selangor, wang ini tidak berapa laku, akan tetapi semenjak ia diperkenalkan sehingga ia digantikan oleh dollar Mexico selepas 1824M, ia tetap dijadikan unit piawaian nilai matawang yang digunakan di sekitar Nusantara amnya dan di sekitar Selat Melaka khasnya. Di samping itu mengikut laporan dari York Fort, wang dollar Mexico itu digemari untuk ditukarkan dengan lada manakala ringgit tiang untuk tukaran bagi barang lain. Laporan itu mencatatkan;

“6. Mexico Dollars best for pepper therefore desire 4 chests a year pillar Dollars do for anything else.”<sup>59</sup>

<sup>56</sup> Lihat W. Shaw & Mohd. Kassim Hj. Ali, *loc.cit.*, 1971, h. 6-7.

<sup>57</sup> Di Aceh wang ini dikenali sebagai **ringgit meriam**, kerana tiang atau *Pillar of Hercules* itu kelihatan seperti meriam. Lihat juga K.F.H. van Lagen, *op.cit.*, h. 65.

<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> Lihat *York Fort Generall Dated 23 Oct. 1704, G/35/7 SUMATRA FACTORIES RECORD*, British Library, London.

Berikut dinyatakan tukaran wang tempatan berbanding dengan *piece of 8* (Ringgit (*dollar*)Sepanyol) pada abad ke-18M. Satu unit ringgit Sepanyol itu bersamaan;

10 **tanga** Portugis Melaka<sup>60</sup>

8 **tampang** Selangor<sup>61</sup>

4 **bidor** Perak (1 **bahar** = 31 1/4 ringgit Sepanyol)<sup>62</sup>

16 **tampang** Pahang<sup>63</sup>

1 **kupang** perak Kedah<sup>64</sup>

1280 **tra (terá)** peuter Kedah<sup>65</sup>

8 **kupang** atau 2 **mas** Kelantan<sup>66</sup>

8 **kupang** Terengganu<sup>67</sup>

3,200 **pitis** Terengganu<sup>68</sup>

40 **jokoh** Kelantan & Terengganu<sup>69</sup>

4 **dirham** atau **mas** Aceh<sup>70</sup>

16 **gupang** Pidir<sup>71</sup>

800-1600 **keueh** Aceh (T.Forrest mengatakan 600-650)<sup>72</sup>

<sup>60</sup> W.Shaw & Mohd.Kassim Hj.Ali, *loc.cit.*, 1970, h. 16 & 17

<sup>61</sup> 1 tampang merupakan seketul jongkong timah seberat 1 kati. *Ibid.*, h. 3.

<sup>62</sup> 1 **bidor** merupakan satu jongkong timah seberat lebih kurang 2 1/2 kati manakala 1 **bahar** bersamaan 3 pikul timah. *Ibid.*, h. 5

<sup>63</sup> Nilai tampang Pahang itu adalah nilai pada awal abad ke-19M, kerana tarikh paling awal yang diketahui tampang jenis itu diedarkan ialah 1819M (1235H). *Ibid.*, h.11

<sup>64</sup> W.Shaw & Mohd. Kassim H.Ali, *loc.cit.*, 1971, h. 11.

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 17.

<sup>66</sup> *Ibid.*, h. 20.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 35.

<sup>68</sup> *Ibid.* Nilai ini adalah nilai pada awal abad ke-19M

<sup>69</sup> *Ibid.*, h.45. Nilai awal abad ke-19M.

<sup>70</sup> K.F.H. van Langen, *op.cit.*, h. 70.

<sup>71</sup> *Ibid.*, h. 73.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 70. Lihat juga T.Forrest, *op.cit.*, h. 35.